

# HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



中国银行 马来西亚

BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD 200001008645(511251-V)

Sila baca dan memahami Helaian Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Kemudahan Pinjaman di bawah.

Pastikan anda juga membaca dan memahami segala terma yang terdapat di dalam Surat Tawaran.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am yang dinyatakan di dalam dokumen ini.

Sila tandakan  Kemudahan Pinjaman pilihan anda, yang mana berkenaan:-

- Housing Loan (HL)**
- Term Loan (TL)**
- Flexi Housing Loan (FLX HL)**
- Flexi Term Loan (FLX TL)**
- First Time Home Buyer Housing Loan (FTHB HL)**

Tarikh: [ ]

## 1. Apakah produk ini?

| Housing Loan (HL) / Term Loan (TL)                     | Kemudahan ini dikira berdasarkan kadar berubah dan anda mencagarkan harta anda sebagai sekuriti kepada Bank.   |  |  |                                     |                                       |  |  |           |         |         |         |           |         |         |         |
|--|--|--|--|-------------------------------------|---------------------------------------|--|--|-----------|---------|---------|---------|-----------|---------|---------|---------|
| Flexi Housing Loan (FLX HL) / Flexi Term Loan (FLX TL) | <p>Kemudahan ini dikira berdasarkan kadar berubah dan anda mencagarkan harta anda sebagai sekuriti kepada Bank.</p> <p>Ia menawarkan fleksibiliti untuk deposit dan pengeluaran baki yang tersedia daripada akaun semasa flexi (FLX CA) pada bila-bila masa sambil menikmati penjimatan faedah pinjaman dengan memautkan FLX CA anda ke akaun FLX HL / FLX TL.</p> <p>Baki tersedia yang dipegang dalam FLX CA pada penghujung setiap hari akan digunakan untuk menolak baki tertunggak hari akhir FLX HL / FLX TL, tertakluk kepada "Had Mengimbangi Faedah", yang mana lebih rendah.</p> <p>Had Mengimbangi Faedah akan dihadkan pada 70% daripada jumlah baki pinjaman.</p> <p>Baki Pinjaman Bersih akan dicaj pada kadar faedah efektif pinjaman.</p> <p>Illustrasi Baki Pinjaman Bersih untuk pengiraan faedah:</p> <table border="1"><thead><tr><th>Baki Pinjaman-pada Hujung Hari (RM)</th><th>Had Mengimbangi Faedah dalam 70% (RM)</th><th>Baki Kredit Akaun Semasa - pada Hujung Hari (RM)</th><th>Baki Pinjaman Bersih untuk Pengiraan Faedah (RM)</th></tr></thead><tbody><tr><td>1,000,000</td><td>700,000</td><td>550,000</td><td>450,000</td></tr><tr><td>1,000,000</td><td>700,000</td><td>900,000</td><td>300,000</td></tr></tbody></table> <p>^ Baki Pinjaman Bersih diperoleh daripada baki pinjaman-pada hujung hari yang diimbangi dengan had pengimbangan faedah atau baki kredit akaun semasa-pada hujung hari, yang mana lebih rendah.</p> |  |  | Baki Pinjaman-pada Hujung Hari (RM) | Had Mengimbangi Faedah dalam 70% (RM) | Baki Kredit Akaun Semasa - pada Hujung Hari (RM) | Baki Pinjaman Bersih untuk Pengiraan Faedah (RM) | 1,000,000 | 700,000 | 550,000 | 450,000 | 1,000,000 | 700,000 | 900,000 | 300,000 |
| Baki Pinjaman-pada Hujung Hari (RM)                    | Had Mengimbangi Faedah dalam 70% (RM)  | Baki Kredit Akaun Semasa - pada Hujung Hari (RM) | Baki Pinjaman Bersih untuk Pengiraan Faedah (RM) |                                     |                                       |  |  |           |         |         |         |           |         |         |         |
| 1,000,000  | 700,000  | 550,000  | 450,000  |                                     |                                       |  |  |           |         |         |         |           |         |         |         |
| 1,000,000  | 700,000  | 900,000  | 300,000  |                                     |                                       |  |  |           |         |         |         |           |         |         |         |

|   |   |
|---|---|
|   | <p>*Formula pengiraan faedah adalah seperti berikut:</p> $\frac{\text{Baki Pinjaman Bersih} \times 1 \text{ Hari} \times \text{Kadar Faedah Efektif Pinjaman}}{365}$  |
| BOCM First Time Home Buyer Housing Loan (FTHB HL)   | <p>Kemudahan ini dikira berdasarkan kadar berubah dan anda menawarkan harta anda sebagai sekuriti kepada Bank.</p> <p>Kemudahan ini diberikan kepada peminjam yang memenuhi semua kriteria di bawah Skim Pembeli Rumah Kali Pertama yang ditetapkan oleh Bank dan / atau Cagamas SRP Berhad.</p> <p>Skim ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembeli rumah kali pertama untuk tujuan penginapan;</li> <li>• Pendapatan kasar bulanan isi rumah sehingga RM5,000;</li> <li>• Pekerja bergaji atau pekerja sendiri;</li> <li>• Tiada rekod pembayaran terjejas selama 12 bulan yang lalu; dan</li> <li>• Peminjam tunggal atau bersama</li> </ul> <p>Anda boleh memilih pilihan pembayaran balik seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Setelah kemudahan telah dikeluarkan sepenuhnya, pembayaran balik bulanan akan ditakluk kepada bayaran pokok dan kadar faedah bulanan sepanjang tempoh pinjaman, atau</li> <li>b) Setelah kemudahan telah dikeluarkan sepenuhnya, pembayaran balik bulanan akan ditakluk kepada kadar faedah sebanyak 60 bulan sepanjang tempoh pinjaman dan kemudian melaksanakan pelunasan yang sama dengan bayaran pokok dan kadar faedah bulanan untuk baki tempoh pinjaman.</li> </ol> |
| <b>2. Apa yang saya dapat daripada produk ini?</b>  |   |
| <p>Amaun Pinjaman : RM [ ] ( _____ %) daripada harga rumah)</p> <p>Kadar Asas Standard (SBR) : [ ] % setahun</p> <p>Kadar Faedah : SBR + [ ] %</p> <p>Kadar Faedah Efektif Pinjaman : [ ] %</p> <p>Tempoh Pinjaman : [ ] tahun</p>  |   |
| <b>3. Apakah Kadar Asas Standard (SBR)?</b>   |   |
| <p>Kadar SBR yang kami tawarkan adalah berdasarkan kadar penanda aras yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras kini ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalam (OPR) yang mencerminkan pendirian dasar monetari seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.</p> |   |
| <b>4. Apakah scenario yang boleh mencetuskan perubahan dalam SBR?</b>   |   |
| <p>SBR boleh turun atau naik berdasarkan perubahan dalam kadar penanda aras, iaitu perubahan dalam Kadar Dasar Semalam (OPR).</p>   |   |

## 5. SBR dalam tempoh 3 tahun dulu?



Nota: SBR diperkenalkan pada 1 Ogos 2022. Garis putus-putus menunjukkan siri sejarah OPR, yang merupakan kadar penanda aras untuk SBR.

Sila rujuk ke laman web untuk siri sejarah yang lebih panjang.

## 6. Apakah tanggungan saya?

Bayaran Bulanan Ansurans ialah RM

Jumlah Bayaran Balik Bagi Tempoh <> tahun ialah RM

Nota: Bayaran bulanan ansurans dan jumlah bayaran balik akan berbeza jika SBR berubah.

| Kadar   | Hari ini (SBR = < <input type="text"/> %> setahun) | Jikalau SBR naik 1%  | Jikalau SBR naik 2%  |
|---|--|----------------------|----------------------|
| Bayaran Bulanan Ansuran   | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| Jumlah Kos Faedah bagi tempoh <input type="text"/> bulan bagi kemudahan yang telah diluluskan | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| Jumlah Bayaran Balik bagi tempoh <input type="text"/> bagi kemudahan yang telah diluluskan    | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |

### Untuk First Time Home Buyer (FTHB) – Bayaran Balik Berperingkat sahaja

| Kadar  | Hari ini (SBR = < <input type="text"/> %> setahun) | Jikalau SBR naik 1%  | Jikalau SBR naik 2%  |
|--|--|----------------------|----------------------|
| Bulan 1 hingga 60 dengan perkhidmatan faedah bulanan dari tarikh pengeluaran penuh | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| Selepas itu – Amaun Bayaran Balik Bulanan  | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| Jumlah kos faedah bagi tempoh <Tempoh Kemudahan yang diluluskan> bulan             | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |
| Jumlah bayaran balik bagi tempoh <Tempoh Kemudahan yang diluluskan> bulan          | <input type="text"/>                               | <input type="text"/> | <input type="text"/> |

## Nota

Jika anda membuat pembayaran balik pinjaman melalui perintah tetap, anda hendaklah menukar jumlah amaun ansuran apabila berlaku pertukaran kepada SBR.

Bagi hartaan yang masih dalam fasa pembinaan, peminjam perlu membayar kadar faedah progresif bulanan, sebelum bermula untuk pembayaran ansuran. Faedah yang perlu dibayar dikira diatas bahagian kemudahan yang digunakan bermula dari pengeluaran pertama kemudahan atau bermula pada tarikh seperti yang dinasihatkan oleh Bank secara bertulis.

Ilustrasi mengenai faedah yang perlu dibayar adalah seperti di bawah (pengeluaran pinjaman adalah berdasarkan contoh bahawa ia dikeluarkan pada 1 Oktober):-

| Perkara   | Butiran                                    |
|---|--|
| Amaun Pengeluaran Pertama (RM)  | 10,000                                     |
| Kadar yang ditetapkan (%)   | 3.00                                       |
| Bilangan hari dari 1 <sup>st</sup> October – 31 <sup>st</sup> October | 31   |
| Kadar Faedah yang perlu dibayar (RM)                                  | RM10,000 * 3.00% * 31/365 = <b>RM25.50</b> |

Bagi hartaan yang telah siap, bermulanya ansuran bulanan seperti yang disediakan dalam jadual di atas, anda dikehendaki membayar Bank bermula satu bulan dari pengeluaran penuh Kemudahan atau bermula pada tarikh yang dinasihatkan oleh Bank secara bertulis.

## Untuk First Time Home Buyer Housing Loan (FTHB HL) sahaja

4. Jika anda memilih First Time Home Buyer Housing Loan (FTHB HL) dengan bayaran balik berperingkat, iaitu anda hanya perlu membayar bahagian faedah pinjaman untuk 5 tahun lagi selepas pembayaran penuh kemudahan tersebut, sila maklumkan perkara berikut :-
  - i. Anda perlu membayar jumlah caj faedah yang lebih tinggi pada akhir tempoh pinjaman kerana anda telah memilih untuk membayar faedah hanya untuk 5 tahun pertama bagi tempoh pinjaman ini.
  - ii. Baki tertunggak pokok pinjaman anda hanya akan mula berkurangan sebaik sahaja anda mula membayar kedua-dua baki pokok dan faedah.
5. Pengisian kursus pendidikan kewangan dalam talian Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).
  - Peminjam hendaklah mengemukakan bukti sijil kursus dalam talian AKPK semasa permohonan pinjaman/pembentukan. Ini adalah untuk membantu bakal peminjam memahami komitmen kewangan mereka sebelum membeli rumah. Modul ini boleh didapati di portal RumahKu AKPK di power.akpk.org.my Pautan: <https://power.akpk.org.my>
6. Di bawah Pinjaman Perumahan FTHB HL, tiada penjualan hartaan akan berlaku dalam tempoh lima (5) tahun pertama dari tarikh Surat Tawaran. Bayaran pendahuluan atau penyelesaian penuh dalam tempoh lima (5) tahun pertama dari tarikh Surat Tawaran adalah tertakluk kepada fi bayaran pendahuluan sebanyak 2% ke atas jumlah bayaran pendahuluan.

## 7. Apakah yuran dan caj lain yang perlu dibayar?

|                            |   |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |
|----------------------------|---|----------------|------------------------------|-------------------|------|----------------------|-------|----------------------|-------|
| Setem Duti                 | Seperti yang ditetapkan oleh Akta Setem 1949 (Semakan semula pada 1989)   |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |
| Fi Penetapan               | <p>Bayaran sekali dikenakan untuk kemudahan yang telah diluluskan:</p> <table border="1"><tr><td>Amaun Pinjaman</td><td>Fi atau caj (Jika Berkenaan)</td></tr><tr><td>Sehingga RM30,000</td><td>RM50</td></tr><tr><td>RM30,001 – RM100,000</td><td>RM100</td></tr><tr><td>RM100,000 dan keatas</td><td>RM200</td></tr></table> <p><b>Untuk BOCM First Time House Buyer Housing Loan (FTHB HL)</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tiada</li></ul> | Amaun Pinjaman | Fi atau caj (Jika Berkenaan) | Sehingga RM30,000 | RM50 | RM30,001 – RM100,000 | RM100 | RM100,000 dan keatas | RM200 |
| Amaun Pinjaman             | Fi atau caj (Jika Berkenaan)  |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |
| Sehingga RM30,000          | RM50  |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |
| RM30,001 – RM100,000       | RM100   |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |
| RM100,000 dan keatas       | RM200   |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |
| Fi Penyelenggaraan Bulanan | Fi penyelenggaraan bulanan sebanyak RM10.00 dikenakan pada produk Flexi Housing Loan (FLX HL) / Flexi Term Loan (FLX TL) sepanjang tempoh kemudahan pinjaman  |                |                              |                   |      |                      |       |                      |       |

## 8. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

- Caj pembayaran lewat sebanyak 1.00% setahun ke atas jumlah tertunggak, menyebabkan jumlah tertunggak meningkat.
- Kami boleh menolak sebarang baki kredit dalam akaun yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman ini.
- Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalaas notis peringatan. Harta anda mungkin akan dirampas dan anda perlu menanggung semua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas harta anda dijual.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjaskan penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

## 9. Terma dan syarat lain

Anda boleh memilih untuk menggunakan peguam panel Bank / penanggung insurans atau peguam / penanggung insurans anda yang dilantik untuk tujuan kemudahan pinjaman.

## 10. Bagaimana sekiranya saya menyelesaikan pinjaman sebelum tempoh terkunci matang?

Bayaran pendahuluan atau penyelesaian penuh dalam tempoh <3> tahun pertama dari tarikh pengeluaran pertama pinjaman adalah tertakluk kepada fi bayaran pendahuluan < 2.25%> ke atas jumlah bayaran pendahuluan.

### Untuk Pinjaman Perumahan First Time House Buyer Housing Loan (FTHB HL)

Bayaran pendahuluan atau penyelesaian penuh dalam tempoh < 5 > tahun pertama dari tarikh Surat Tawaran adalah tertakluk kepada fi bayaran pendahuluan < 2%> ke atas jumlah bayaran pendahuluan.

## 11. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

- Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA) / Mortgage Level Term Assurance (MLTA) adalah pilihan anda tetapi digalakkan.
- Anda hendaklah menginsuranskan sewajarnya harta yang dicaj / diserahkan kepada Bank sebagai jaminan terhadap semua risiko untuk nilai penuh atau kos penggantian yang mana lebih tinggi dengan syarikat insurans yang diterima oleh Bank.

*Nota: Bank akan memberikan sebut harga kepada anda atas permintaan untuk sebarang insurans wajib yang ditawarkan oleh panel penanggung insurans Bank sendiri. Walau bagaimanapun, anda bebas menggunakan perkhidmatan penanggung insurans lain.*

## **12. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya berlaku perubahan dalam butiran hubungan saya?**

Penting untuk anda memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda supaya segala maklumat terkini dari Bank dapat disalurkan dengan efektif.

Sila kunjungi cawangan Bank terdekat untuk mengemas kini butiran perhubungan anda.

## **13. Dimanakan saya boleh dapatkan khidmat nasihat dan bantuan?**

Jika anda mempunyai kesulitan dalam membuat pembayaran balik, sila hubungi kami pada kadar segera bagi membincangkan alternatif bayaran balik. Kami boleh dihubungi melalui:

**Bank of China (Malaysia) Berhad**

6<sup>th</sup> Floor, Plaza OSK

25, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2387 8367 / 03-2387 8211

Email: [customerdesk@bankofchina.com.my](mailto:customerdesk@bankofchina.com.my)

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat dari **Agenzia Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula pinjaman bagi individu. AKPK boleh dihubungi melalui:

Level 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce

Jalan Raja Laut

50450 Kuala Lumpur

Tel: 03-2616 7766

Email: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

Jika ada berhasrat untuk membuat aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami, sila hubungi:

**Customer Service Center**

Tel: 603-2059 5566

Fax: 603- 2161 5150

Email: [service.my@bankofchina.com.my](mailto:service.my@bankofchina.com.my)

**Bank of China (Malaysia) Berhad**

5th Floor, Plaza OSK

25, Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

(Permehatian kepada: Compliance Department)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK melalui:

Block D, Bank Negara Malaysia,

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

Fax: 03-2174 1515

Email: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**14. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Untuk maklumat lanjut berkenaan pinjaman rumah / pinjaman tetap, anda boleh merujuk kepada buku maklumat perbankan edisi "Housing / Term Loans", yang terdapat di semua cawangan Bank atau laman web [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)
- Sila hubungi kami di: 603-2059 5566 (Khidmat Pelangga) atau laman web [www.bankofchina.com.my](http://www.bankofchina.com.my) untuk maklumat cawangan Bank terdekat.

**15. Lain-lain pakej yang tersedia**

- Kemudahan Overdraft (OD) dijamin oleh harta tanah
- Kemudahan Overdraft (OD) dijamin oleh deposit tetap

**NOTA PENTING:**

**HARTANAH ANDA AKAN DILELONG SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN BALIK TIDAK DIPATUHI.**

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada | | | | | (hh/bb/tttt)

**Penafian:**

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah tentatif / indikatif dan tidak diikat oleh Bank. Muktamad dan syarat adalah seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran dan Perjanjian Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan pinjaman.